

SOLAT HAJAT PERDANA GABUNGAN BERSAMA BAKAT PANGKALAN DI PU GONG KEDAK TAHUN 2017

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2405-solat-hajat-perdana-gabungan-bersama-bakat-pangkalan-di-pu-gong-kedak-tahun-2017

GONG KEDAK, 7 Sep 17 - Pejabat Agama Pangkalan Udara Gong Kedak bersama BAKAT Pangkalan telah menganjurkan Solat Hajat dan Ceramah sempena anak-anak anggota Pangkalan yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM bagi tahun 2017 yang bertempat di Masjid Ar-Raudhah Pangkalan Udara Gong Kedak.

Turut hadir pada majlis tersebut Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM dan ADUN Kuala Besut, YBM Tg Zaihan bin Che Ku Abd Rahman serta Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Anggota LLP dan Ahli-ahli BAKAT Pangkalan.



